

KANUN TANAH NEGARA

**PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965
RUJUKAN FAIL: PTPK/07/A/PPJ/2024/8 (LELONGAN KEDUA)**

Di antara

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Pemegang Gadaian**

Dan

**KANNAGE A/P ARUMUGAM,PATRICK A/L C.B. GOMES
Penggadai**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Hilir Perak yang diperbuat pada 18 Julai 2024 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Hilir Perak

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

**PADA HARI RABU BERTARIKH 15/01/2025 JAM 10:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH HILIR PERAK**

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/> .

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 00000162
No. Lot/PT	Lot 3396
Bandar/Pekan/Mukim	Bandar Teluk Intan
Keluasan Tanah	125 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM65
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Bangunan
Sekatan Kepentingan	TIADA
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	KANNAGE A/P ARUMUGAM,PATRICK A/L C.B. GOMES
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 07SC173/1989. Didaftarkan pada 16 Februari 1989

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat NO. 1902-H, JALAN MAHARAJALELA, JALAN MAHARAJALELA, 36000 TELUK INTAN, PERAK

HARGA RIZAB: RM 63,000.00 (Ringgit Malaysia : Enam Puluh Tiga Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 6,300.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ribu Tiga Ratus Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul diatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul diatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **15 Mei 2025** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 28 Oktober, 2024

**Pentadbir Tanah
Daerah Hilir Perak
Negeri Perak Darul Ridzuan**